



## PERATURAN AM SUKAN MASUM 2011

### 1. NAMA

Pertandingan ini dinamakan Kejohanan Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (SUKAN MASUM).

### 2. PENGELOLA

- 2.1 Sukan MASUM ini dikelola oleh Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM) dengan kerjasama dari semua Universiti Awam di Malaysia yang bergabung dengan MASUM.
- 2.2 Bagi maksud pengelolaan, Majlis MASUM bertanggungjawab dengan perkara-perkara dasar dan boleh menyerahkan kuasa pengelolaan serta aktiviti Sukan kepada mana-mana ahli MASUM atau satu jawatankuasa khas yang ditubuhkan oleh Majlis MASUM.
- 2.3 Adalah menjadi tanggungjawab jawatankuasa pengelola menerangkan secara lengkap dan jelas peraturan pertandingan Sukan MASUM kepada badan/persatuan sukan/orang perseorangan yang terlibat dalam pengelolaan Sukan MASUM.

### 3. KELAYAKAN

- 3.1 Semua Universiti Awam di Malaysia yang bergabung dengan Majlis Sukan Universiti Malaysia layak menyertai Sukan MASUM dan universiti-universiti yang dijemput MASUM.
- 3.2 Peserta
  - 3.2.1 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat Diploma dan Ijazah Pertama yang ditawarkan di Universiti Awam Malaysia yang menjadi ahli MASUM.
  - 3.2.2 Semua pelajar yang berdaftar dan menghadiri kursus sepenuh masa di peringkat pasca siswazah layak mengambil bahagian dengan syarat mendapat pengesahan daripada Jabatan Pengajian Siswazah Univesiti masing-masing.
  - 3.2.3 Pelajar Pra-U, Pra-Diploma, Pra-Ijazah, adalah tidak dibenarkan mengambil bahagian. Hanya Pelajar Pra-U, Pra-Diploma, Pra-Ijazah, Matrikulasi dan Kursus Asasi yang diuruskan oleh universiti berkenaan dibenarkan mengambil bahagian.
  - 3.2.4 Pelajar-pelajar tahun akhir yang telah menamatkan pengajian hanya layak mewakili universiti sehingga semester berkenaan berakhir sahaja.

#### 4. KAD AKREDITASI

- 4.1 Semua peserta dikehendaki membawa bersama kad matrik sepanjang Sukan MASUM dijalankan.
- 4.2 Jawatankuasa Pengelola adalah bertanggungjawab untuk menyediakan Kad Akreditasi kepada semua Pegawai dan Atlet yang mengambil bahagian. Pemakaian Kad Akreditasi adalah DIWAJIBKAN sepanjang kejohanan berlangsung.

#### 5. BILANGAN PEGAWAI/PESERTA

- 5.1 Bilangan pegawai dan peserta mengikut jenis-jenis Sukan ialah seperti berikut:

Bil	Permainan	Bil. Peserta	Bil. Pegawai
1.	Badminton (L)	9	2
2.	Badminton (W)	9	2
3.	Bola Keranjang (L)	12	2
4.	Bola Keranjang (W)	12	2
5.	Bola Tampar (L)	12	2
6.	Bola Tampar (W)	12	2
7.	Bola Tampar Pantai (L)	4	2
8.	Bola Tampar Pantai (W)	4	2
9.	Bola Baling (L)	14	2
10.	Bola Baling (W)	14	2
11.	Boling Padang (L)	6	2
12.	Boling Padang (W)	6	2
13.	Catur (L)	6	2
14.	Catur (W)	6	2
15.	Futsal (L)	12	2
16.	Futsal (W)	12	2
17.	Golf (L)	8	1
18.	Golf (W)	4	1
19.	Hoki (W)	18	2
20.	Kayak (L)	9	2
21.	Kayak (W)	9	2

22.	Karate Do (L)	13	2
23.	Karate Do (W)	10	2
24.	Kriket (L)	15	2
25.	Mendayung (L)	18	2
26.	Mendayung (W)	18	2
27.	Memanah (L)	8	2
28.	Memanah (W)	8	2
29.	Ping Pong (L)	8	2
30.	Ping Pong (W)	6	2
31.	Pencak Silat (L)	16	4
32.	Pencak Silat (W)	12	1
33.	Ragbi	30	4
34.	Sofbol (L)	15	2
35.	Sofbol (W)	15	2
36.	Sepak Takraw	15	2
37.	Skuasy (L)	3	2
38.	Skuasy (W)	3	2
39.	Tenis (L)	10	2
40.	Tenis (W)	7	2
41.	Taekwondo (L)	13	2
42.	Taekwondo (W)	13	2
43.	Tenpin Boling (L)	4	2
44.	Tenpin Boling (W)	4	2
45.	Petanque (L)	6	2
46.	Petanque (W)	6	2
47.	Woodball (L)	4	2
48.	Woodball (W)	4	2
<b>JUMLAH</b>		<b>465</b>	<b>89</b>
		<b>554</b>	

## 5.2 Penyerahan Penyertaan

Tiap-tiap universiti atau kontinjen dikehendaki mengemukakan Borang Pengesahan Penyertaan mengikut jenis sukan kepada pihak Pengelola tidak lewat daripada 90 hari sebelum tarikh kejohanan bermula dan borang pengesahan atlit mengikut permainan diserahkan kepada pihak Pengelola tidak lewat daripada 30 hari sebelum tarikh kejohanan.

## 5.3 Borang Pertandingan

5.3.1 Semua pasukan dimestikan menggunakan borang pendaftaran Sukan MASUM dan borang perlawanan Sukan MASUM

5.3.2 Semua borang pendaftaran pasukan hendaklah ditandatangani oleh Pengarah atau Ketua Pusat/Unit Sukan dan diserahkan kepada Jawatankuasa Pengelola Sukan MASUM.

5.3.3 Hanya pemain yang berdaftar di dalam borang pendaftaran permainan semasa taklimat pengurus-pengurus pasukan sahaja layak mengambil bahagian.

## 6. REFERI KEHORMAT/KETUA PENGADIL

6.1 Pengadil bertauliah akan disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola bagi tiap-tiap permainan yang dipertandingan mulai dengan peringkat awal.

6.2 Referi kehormat/Ketua Pengadil hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola sepanjang pertandingan dijalankan bagi semua permainan yang dipertandingkan.

## 7. PAKAIAN

7.1 Setiap pemain/pasukan hendaklah memakai pakaian yang dibenarkan dalam undang-undang permainan berkenaan.

7.2 Jika kedua-dua pasukan memakai pakaian yang sama warnanya, pasukan yang namanya mula-mula tercatat dalam jadual pertandingan mestilah menukar kepada pakaian yang lain warnanya.

## 8. PERALATAN

8.1 Semua jenis peralatan permainan akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal MASUM dan hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola.

8.2 Semua peralatan dan padang/gelanggang hendaklah disediakan oleh Jawatankuasa Pengelola dan mengikut spesifikasi yang dibenarkan.

8.2.1 Pengelola Sukan MASUM hendaklah memberitahu Majlis MASUM jenis-jenis kemudahan padang atau gelanggang yang digunakan semasa kejohanan.

## 9. SISTEM PERTANDINGAN

Sesuatu pertandingan hanya dapat dijalankan atau diadakan sekiranya terdapat 5 pasukan mengambil bahagian. Sistem pertandingan akan dijalankan secara Liga dan/atau Kalah Mati. Manakala bagi acara individu, pertandingan hanya akan dijalankan sekiranya terdapat minima 4 penyertaan.

### 9.1 Cara Satu (1) Kumpulan

9.1.1 Sekiranya lima (5) pasukan mengambil bahagian, pertandingan akan dijalankan secara Liga Satu Kumpulan.

9.1.2 Pasukan yang mendapat mata terbanyak akan dikira sebagai Johan, Kedua terbanyak menjadi Naib Johan dan seterusnya.

### 9.2 Cara Dua (2) Kumpulan

#### 9.2.1 Pusingan Awal

9.2.1.1 Sekiranya enam (6) pasukan atau lebih mengambil bahagian pasukan akan dibahagikan kepada dua (2) Kumpulan A dan B dan pertandingan akan dijalankan secara Liga.

9.2.1.2 Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1, Tempat Ke-3 dan Tempat Ke-4 akan diundi untuk berada dalam kedudukan A2 atau B2.

9.2.1.3 Sekiranya berlaku penarikan diri sebelum jadual rasmi dijadualkan dalam mana-mana kumpulan dengan hanya dua (2) pasukan sahaja yang mengambil bahagian dalam pasukan berkenaan, maka pasukan terakhir dalam kumpulan lagi satu secara automatik dipindahkan ke dalam kumpulan yang kurang.

#### 9.2.2 Pusingan Separuh Akhir

9.2.2.1 Johan dan Naib Johan setiap kumpulan akan ditempatkan dalam dua kumpulan iaitu kumpulan X dan Y seperti berikut:-

Kumpulan X	Kumpulan Y
Johan Kumpulan A	Johan Kumpulan B
Naib Johan Kumpulan B	Naib Johan Kumpulan A

9.2.2.2 Pertandingan dijalankan secara KALAH MATI.

### 9.2.3 Pusingan Akhir

Pemenang Kumpulan X akan melawan Pemenang Kumpulan Y untuk menentukan Johan dan Naib Johan.

## 9.3 Cara Tiga (3) Kumpulan

### 9.3.1 Pusingan Awal


9.3.1.1 Sekiranya penyertaan terdiri daripada sembilan (9) pasukan, pertandingan akan dijalankan secara liga tiga kumpulan A, B dan C.

9.3.1.2 Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1 dan Tempat Ke-3 akan berada dalam kedudukan C1

### 9.3.2 Pusingan Suku Akhir

9.3.2.1 Johan dan Naib Johan setiap kumpulan adalah layak untuk memasuki pusingan Suku Akhir.

9.3.2.2 Johan A dan Johan B diberikan "Bye" seperti berikut:-



#### 9.4 Cara Empat (4) Kumpulan


9.4.1 Pasukan akan dibahagikan kepada empat (4) kumpulan (A, B, C dan D)

9.4.2 Setiap kumpulan mengandungi sekurang-kurangnya 3 pasukan

9.4.3 Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1, Tempat Ke-3 akan berada dalam kedudukan C1, Tempat Ke-4 akan berada dalam kedudukan D1.


9.4.4 Pasukan yang layak ke peringkat suku akhir Sukan MASUM pada tahun sebelumnya akan diundi untuk mengisi kedudukan A2, B2, C2 atau D2.

9.4.5 Lapan (8) pasukan akan dipilih untuk bertanding dalam Pusingan Suku Akhir seperti berikut:-



## 9.5 Cara Lima (5) Kumpulan

- 9.5.1 Pasukan akan dibahagikan kepada (5) kumpulan (A,B,C,D dan E)
- 9.5.2 Setiap kumpulan mengandungi sekurang-kurangnya 3 pasukan
- 9.5.3 Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1, Tempat Ke-3 akan berada dalam kedudukan C1 dan Tempat Ke-4 akan berada dalam kedudukan D1.
- 9.5.4 Pasukan yang layak ke peringkat suku akhir akan diundi untuk berada dalam kedudukan A2, B2, C2, D2, E1 atau E2.
- 9.5.5 Sepuluh (10) pasukan akan dipilih untuk pertandingan dalam Pusingan Kedua adalah seperti berikut:-



9.6 Cara Enam (6) Kumpulan

- 9.6.1 Pasukan akan dibahagikan kepada (6) kumpulan (A,B,C,D,E dan F)
- 9.6.2 Setiap kumpulan mengandungi sekurang-kurangnya 3 pasukan
- 9.6.3 Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1, Tempat Ke-3 akan berada dalam kedudukan C1 dan Tempat Ke-4 akan berada dalam kedudukan D1.
- 9.6.4 Pasukan yang layak ke peringkat suku akhir akan diundi untuk berada dalam kedudukan A2, B2, C2, D2, E1 atau F1.
- 9.6.5 Dua belas (12) pasukan akan dipilih untuk pertandingan dalam Pusingan Kedua adalah seperti berikut:-



9.7 Cara Tujuh (7) Kumpulan

- 9.7.1 Pasukan akan dibahagikan kepada (7) kumpulan (A,B,C,D,E, F dan G)
- 9.7.2 Setiap kumpulan mengandungi sekurang-kurangnya 3 pasukan
- 9.7.3 Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1, Tempat Ke-3 akan berada dalam kedudukan C1 dan Tempat Ke-4 akan berada dalam kedudukan D1.
- 9.7.4 Pasukan yang layak ke peringkat suku akhir akan diundi untuk berada dalam kedudukan A2, B2, C2, D2, E1, F1 dan G1.
- 9.7.5 Empat belas (14) pasukan akan dipilih untuk pertandingan dalam Pusingan Kedua adalah seperti berikut:-



9.8 Cara Lapan (8) Kumpulan

- 9.8.1 Pasukan akan dibahagikan kepada (8) kumpulan (A,B,C,D,E, F,G dan H)
- 9.8.2 Setiap kumpulan mengandungi sekurang-kurangnya 3 pasukan
- 9.8.3 Johan tahun lepas akan berada dalam kedudukan A1, Naib Johan berada dalam kedudukan B1, Tempat Ke-3 akan berada dalam kedudukan C1 dan Tempat Ke-4 akan berada dalam kedudukan D1.
- 9.8.4 Pasukan yang layak ke peringkat suku akhir akan diundi untuk berada dalam kedudukan A2, B2, C2, D2, E1, F1, G1 dan H1.
- 9.8.5 Enam belas (16) pasukan akan dipilih untuk pertandingan dalam Pusingan Kedua adalah seperti berikut:-



9.9 Semua pertandingan Pusingan Kedua, Peringkat Suku, Separuh dan Akhir dijalankan secara KALAH MATI.

9.10 Format Penentuan Kumpulan

9.10.1 Format bagi sistem liga adalah seperti berikut:-

JUMLAH PASUKAN	JUMLAH PASUKAN DALAM KUMPULAN	
	Kumpulan	Format
5	Liga 1 Kumpulan	LIGA
6	2	3,3
7	2	3,4
8	2	4,4
9	3	3,3,3
10	3	3,3,4
11	3	3,4,4
12	4	3,3,3,3
13	4	3,3,3,4
14	4	3,3,4,4
15	5	3,3,3,3,3
16	5	3,3,3,3,4
17	5	3,3,3,4,4
18	6	3,3,3,3,3,3
19	6	3,3,3,3,3,4
20	6	3,3,3,3,4,4
21	7	3,3,3,3,3,3,3
22	7	3,3,3,3,3,3,4
23	7	3,3,3,3,3,4,4
24 dan seterusnya	8	3,3,3,3,3,3,3,3

9.11 Undian dan Jadual Pertandingan

Undian akan dijalankan oleh Jawatankuasa Teknikal MASUM dan susunan jadual pertandingan akan dibuat oleh Jawatankuasa Pengelola mengikut format yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Teknikal MASUM.

#### 9.12 Pemberian Mata

Menang	-	3
Seri	-	1
Kalah	-	0

Atau mengikut syarat pemberian mata peraturan permainan yang mempunyai sistem pemberian mata sendiri.

### 10. KELEWATAN

10.1 Senarai nama pemain hendaklah diserahkan kepada meja urusetia permainan sebelum masa perlawanan bermula.

10.2 Semua perlawanan akan dijalankan mengikut masa yang ditetapkan

### 11. PENANGGUHAN

11.1 Tarikh, masa dan tempat perlawanan yang telah ditetapkan/jadualkan sama sekali tidak boleh diminta tangguh atau diubah oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

11.2 Jawatankuasa Pengelola adalah mempunyai kuasa mutlak untuk menangguh atau mengubah sesuatu perlawanan dengan diberitahu terlebih dahulu atau diputuskan dengan serta-merta.

11.3 Mana-mana perlawanan yang ditangguhkan Jawatankuasa Pengelola hendaklah menetapkan semula perlawanan yang ditangguhkan itu.

### 12. MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

12.1 Setiap pasukan dimestikan menghabiskan setiap perlawanan dan tidak boleh dengan sengaja memberi kemenangan percuma kepada pihak lawan untuk perlawanan yang akan atau sedang berlangsung. Setiap pasukan dikehendaki meneruskan permainan walaupun telah layak untuk pusingan seterusnya.

12.2 Jika berlaku kecederaan sebelum perlawanan dan pasukan terlibat memberi kemenangan kepada pihak lawan maka pemain yang cedera mestilah mendapat pengesahan daripada Doktor Universiti yang disediakan oleh Tuan Rumah/Jawatankuasa Pengelola.

### 13. RAYUAN/BANTAHAN

13.1 Sebarang bantahan atau rayuan hendaklah dibuat secara bertulis oleh pegawai/pengurus pasukan dan disahkan oleh Pegawai Unit/Pusat Sukan Universiti berkenaan dan hendaklah diserahkan kepada Setiausaha Jawatankuasa Pengelola atau wakilnya dalam tempoh tidak lebih dari satu (1) jam selepas tamat perlawanan atau mengikut masa yang ditetapkan oleh permainan tersebut dengan disertakan wang tunai sebanyak RM250.00 (Ringgit Malaysia Dua Ratus Lima Puluh Sahaja) sebagai cagaran dan yuran proses.

- 13.2 Wang cagaran itu akan hilang dan menjadi pendapatan MASUM sekiranya bantahan atau rayuan itu tidak diterima.
- 13.3 Sekiranya bantahan atau rayuan diterima oleh Juri Rayuan maka wang cagaran sebanyak RM 200.00 sahaja akan dikembalikan.
- 13.4 Semua bantahan/rayuan hendaklah ditulis dalam Bahasa Malaysia.

**14. JAWATANKUASA BANTAHAN/TATATERTIB TERDIRI DARIPADA 5 ORANG YANG TERDIRI DARIPADA SEPERTI BERIKUT:-**

- a. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MASUM atau wakil dari kalangan ahli MASUM
- b. Pengerusi Teknikal Kejohanan atau wakil Pengerusi Permainan atau Pengarah Kejohanan
- c. Tiga orang Ahli Jawatankuasa Permainan MASUM yang berkecuali.

**15. JURI RAYUAN**

Jawatankuasa Pengelola hendaklah menubuhkan Juri Rayuan yang terdiri Tiga (3) orang – minimum atau Lima (5) orang – maksimum daripada sekurang-kurangnya 3 buah universiti yang berbeza. Ahli-ahli hendaklah terdiri:-

- a. Pengerusi MASUM atau wakil
- b. Pengerusi Jawatankuasa Teknikal MASUM atau wakil
- c. 3 orang Ahli Majlis MASUM yang berkecuali

**16. TINDAKAN TATATERTIB**

Seseorang pemain yang digantung permainannya oleh badan-badan tersebut dibawah tidak dibenarkan menyertai sebarang pertandingan dalam tempoh pergantungannya:-

1. Universiti Awam di Malaysia
2. Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM)
3. Persatuan Permainan Negeri
4. Persatuan Permainan Kebangsaan

**17. SIJIL**

Sijil Penyertaan SUKAN MASUM akan disediakan oleh MASUM dan akan diberi kepada semua peserta

**18. HADIAH**

Hadiah SUKAN MASUM akan disediakan oleh MASUM untuk pemenang-pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga dalam acara berpasukan dan pemenang Pertama, Kedua dan Ketiga dalam acara perseorangan.

## **19. PIALA PUSINGAN**

- 19.1 Pasukan yang menang adalah bertanggungjawab ke atas penjagaan Piala Pusingan.
- 19.2 Pasukan yang menang adalah bertanggungjawab untuk memulangkan dan menyerahkan Piala Pusingan dalam keadaan yang baik kepada Jawatankuasa Pengelola 6 bulan selepas kejohanan tamat.
- 19.3 Sekiranya Piala Pusingan didapati rosak atau hilang semasa dalam simpanan pasukan yang menang, pasukan berkenaan hendaklah membaiki atau menggantikannya.

## **20. DENDA**

Mana-mana pasukan yang menarik diri selepas tempoh pengesahan penyertaan tamat, maka pasukan tersebut tidak dibenarkan untuk menyertai kejohanan Sukan MASUM pada tahun berikutnya bagi acara yang berkenaan sahaja.

## **21. PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN**

- 21.1 Peraturan-peraturan di atas hendaklah dipatuhi melainkan jika ada dinyatakan berlainan dalam pertandingan permainan tertentu.
- 21.2 Semua perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan Am ini akan diputuskan oleh Jawatankuasa Induk MASUM dan keputusannya adalah muktamad
- 21.3 Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan peraturan yang ditetapkan TIDAK DIBENARKAN semasa taklimat Pengurus Pasukan.